

07/09/1997

Mahathir mengajar Soros nilai Asia

A Nazri Abdullah

SEPANJANG tempoh dua bulan ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad muncul sebagai tokoh dunia yang mendapat liputan besar media antarabangsa. Beliau dilihat sebagai satu-satunya pemimpin Asia yang mewakili era kebangkitan Asia. Kalau majalah Fortune meletaknya di tempat nombor dua selepas Jiang Zemin, Newsweek pula melihat Mahathir sebagai pemimpin unggul di Asia yang berani bersuara untuk kepentingan Asia. Selain majalah Newsweek, Time, Review dan Asiaweek yang sudah mengakui kewibawaan kepemimpinan Dr Mahathir, National Geography turut memuatkan rencana khas mengenai kejayaan Malaysia. Temu bual Dr Mahathir dalam rancangan Q&A CNN selama sejam dengan pertanyaan datang dari seluruh pelosok dunia, bukan saja mengangkat Dr Mahathir sebagai negarawan Asia yang dihormati, malah akan membariskannya sebagai tokoh dunia abad ke-20.

Media Barat melihat Mahathir sebagai tokoh yang kontroversi, tetapi pada masa yang sama mereka terpaksa mengakui beliau adalah pemimpin yang pragmatik dan berani memperkatakan keadilan dan kebenaran. Media massa meminati Dr Mahathir kerana beliau sentiasa bersedia menjawab apa saja soalan. Newsweek menyifatkan Dr Mahathir sebagai a rare figure in Asia - the popular authoritarian kerana kelantangannya mengkritik Barat dan ketegasannya melaksanakan dasar-dasarnya. Beliau tidak bimbang dengan pelbagai gelaran dan sindiran yang dilemparkan media Barat kepadanya kerana Dr Mahathir percaya tidak ada satu sistem pemerintahan yang benar-benar sempurna untuk membangunkan negara. Malaysia mengamalkan demokrasi tetapi pada masa yang sama beliau tidak akan membiarkan demokrasi menghancurkan demokrasi. Dalam keadaan tertentu sikap authoritarian diperlukan bagi mengubah minda dan sikap masyarakat kerana tidak semua dasar boleh dijayakan melalui demokrasi. Tanpa keberanian dan ketegasan beliau melaksanakan dasarnya, Malaysia tidak mungkin muncul sebagai model bagi Asia.

Minggu lalu, Dr Mahathir menggemparkan seluruh dunia apabila melancarkan perang ke atas pemegang dana asing dengan mengetatkan urus niaga di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Tindakan beliau tidak disenangi oleh banyak pihak tetapi inilah cara yang praktikal untuk menyelamatkan BSKL. Daripada membiarkan George Soros dan konco-konconya menjatuhkan BSKL sedikit demi sedikit dan menyebabkan pelabur tempatan mengalami kerugian yang banyak, lebih baik kerajaan bertindak dengan mempercepatkan kejatuhan BSKL.

Kalau serangan Soros cuma menjatuhkan pasaran saham dan mata wang di Asia, serangan Dr Mahathir menyebabkan pasaran saham seluruh dunia jatuh pada hari pengumuman itu dibuat. Pemegang dana asing bimbang tindakan Dr Mahathir akan diikuti oleh pemimpin Asia dan negara Selatan lain, dan kebimbangan ini menyebabkan pasaran saham di Eropah, Brazil, Argentina dan beberapa negara lain turut jatuh. Pelabur berebut-rebut menjual saham mereka di BSKL walaupun terpaksa mengalami kerugian kerana bimbangkan tindakan Dr Mahathir yang selanjutnya. Selepas BSKL jatuh ke paras yang paling rendah, Dr Mahathir mengumumkan dana RM60 bilion untuk menyelamatkan pelabur tempatan dengan membeli saham mereka pada harga premium.

Dr Mahathir sedar kerajaan tidak boleh membelanjakan terlalu banyak wang untuk menyokong pasaran saham yang cuma menguntungkan barangkali 10 peratus rakyat Malaysia. Selepas melihat BSKL jatuh ke paras paling rendah, beliau menarik balik sekatan yang menyekat urus niaga saham dan mengumumkan langkah penjimatan termasuk menunda beberapa projek mewah.

BSKL terus melonjak hampir 100 mata dan pemegang dana asing yang yakin dengan asas ekonomi Malaysia kembali ke BSKL. Berdasarkan perubahan mendadak di BSKL, kerajaan mungkin tidak perlu membelanjakan RM60 bilion. Walaupun bukan seorang pakar ekonomi, Dr Mahathir memahami selok-belok dan putar-belit permainan saham. Beliau bukan bertindak sekadar melepaskan geram ke atas Soros tetapi dengan perkiraan yang teliti berasaskan kemampuan negara.

Jelas sekali tindakannya meninggalkan kesan positif kerana apa yang beliau lakukan bukanlah untuk menghalang pelabur asing membuat keuntungan di BSKL tetapi untuk menyekat manipulator seperti Soros daripada terlalu bermaharajalela. Soros pernah menyerang mata wang lira, pound, deutsche mark, francs dan membuat keuntungan berbilion ringgit, tetapi pemimpin negara itu tidak berani menentang Soros seperti mana Dr Mahathir.

Pemimpin Barat tahu mengenai gelagat Soros tetapi mereka tidak boleh menegurnya kerana nilai Barat boleh menerima perompak yang cekap menipu. Dr Mahathir tidak boleh menerima cara ini kerana nilai Asia tidak membenarkan yang kaya merompak yang miskin dan yang kuat menindas yang lemah. Asia melahirkan agama besar dunia yang mendukung nilai-nilai sejagat seperti kemanusiaan, keadilan dan hormat-menghormati di antara satu sama lain. Barat yang beragama Kristian sebenarnya pewaris nilai Asia dan mereka perlu diajar menghormati akar umbi nilai mereka yang sebenar.

Gelaran penyangak kepada Soros amatlah tepat kerana beliau bukanlah pelabur tulen tetapi perompak di pasaran saham dan mata wang asing. Beliau pernah menipu Poland, Russia dan negara Balkan melalui pertubuhan seperti Soros Foundation dan Open Society Institute. Beliau kini melobi Kongres Amerika untuk menghalalkan penjualan dadah kerana beliau memegang falsafah manusia bebas menentukan apa yang dikehendakinya.

Kalau Dr Mahathir begitu lantang dan berani mengkritik Barat, maka tentulah beliau lebih berani menegur rakyatnya sendiri. Justeru, ucapannya pada Perhimpunan Umno kali ini, walaupun dalam bahasa yang lembut tetapi tegas sekali menegur orang Melayu yang mengamalkan budaya takut dan lemah semangat serta membidas ulama yang sempit pandangannya terhadap Islam. Beberapa teguran Dr Mahathir itu mungkin dilihat kontroversi oleh sesetengah pihak, tetapi sebelum mempertikaikan pandangannya, kita perlu berfikir dua tiga kali kerana kekuatan Dr Mahathir ialah berperang dengan hujah yang bernas.

(END)